


Minda Pengarang



Tingkat budaya membaca bawa negara ke tahap tinggi, rakyat berilmu

BERITA HARIAN 02 JUN 2025

Anekdote kisah pengarang dan intelektual Amerika, Gore Vidal dikongsi Datuk Seri Anwar Ibrahim pada Majlis Perasmian Penutup Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur (PBAKL) 2025 yang berakhir semalam, sangat tepat menggambarkan kepentingan budaya membaca yang merakyat. Gore Vidal, kata Perdana Menteri, menghadiri majlis pengebumian seorang novelis Itali dan membeli sejambak bunga untuk dibawa kagum apabila penjualnya bukan sahaja mengenali, bahkan membaca karya mendiang. Malah, ketika menaiki teksi, pemandunya juga termasuk dalam kalangan pembaca.

Hakikatnya, PBAKL antara wadah penting menyuburkan budaya membaca yang merentas generasi daripada bayi yang dibacakan bukunya hingga kanak-kanak, remaja, belia, dewasa dan warga emas. Ia tak hanya gudang buku yang memacu industri perbukuan tanah air dan menghubungkannya dengan dunia luar sama ada negara mahupun penerbit antarabangsa, bahkan gedung ilmu dan khazanah persuratan serta kesusasteraan yang kaya dengan ilmu pengetahuan dan maklumat.

Justeru, kehadiran masyarakat ke pesta buku seperti PBAKL menjadi petanda penting betapa budaya membaca sebenarnya sangat subur sehingga tidak lagi boleh diukur dengan berapa halaman atau judul buku dibaca. Baik Perdana Menteri yang nampaknya masa diperuntukkan di PBAKL 'terbabas' melebihi yang ditetapkan seperti tahun sebelumnya kerana keterujaan dan kehairahan beliau kepada buku atau intelektual, sarjana, ulama, sasterawan, pengarang mahupun pembaca biasa menjadi isyarat sahih bahawa membaca adalah tipa yang semakin sinonim di negara ini.

Bagaimanapun, kita bersetuju dengan peringatan Perdana Menteri bahawa bukan hanya soal membaca banyak buku, tetapi apakah bentuk bacaan yang perlu dan penting. Sama ada Sayidina Ali RA menekankan ilmu 'lazzatul hikmah' sehingga memperkaya minda dan memberikan kewarasan, kebijaksanaan serta hikmah atau sasterawan TS Eliot yang membezakan antara maklumat, pengetahuan dan kebijaksanaan, maka kita mahu pembudayaan membaca di negara ini ditingkatkan lagi kepada bahan bacaan bermutu serta bernilai tinggi.

Justeru, pemberian Baucar Buku MADANI kepada lebih 400,000 guru yang sekali lagi menjadi kejutan diumumkan Perdana Menteri pada tahun ini, wajar diberikan penekanan kepada buku yang memberikan upaya sama ada dari segi keilmuan, kepakaran atau kaedah pengajaran dan pembelajaran (PdP) mereka. Kita mahu buku yang mengisi minda dan jiwa pendidik boleh menjadi nilai tambah kepada guru untuk membimbing murid serta pelajar menjadi insan yang baik dan rakyat yang berilmu.

Pada masa sama, kita tidak mahu hanya Perdana Menteri atau Kementerian Pendidikan dan Kementerian Pendidikan Tinggi yang bertungkus-lumus meningkatkan budaya membaca dan kualiti pembacaan. Semua kementerian mempunyai bahagian taklif masing-masing dalam hal ini waima kementerian yang secara zahirnya tidak nampak kaitan dengan buku selama ini. Begitu juga syarikat berkaitan kerajaan dan sektor korporat wajar menjadikan usaha membudayakan pembacaan berkualiti sebagai antara tanggungjawab sosial korporat mereka.

Sudah sampai masanya, kita keluar daripada kepompong kejahilan untuk mengepak sayap diri demi membawa negara ke tahap lebih tinggi, iaitu negara maju yang rakyatnya berilmu.